

17 AUG 2002

BUNYAMIN TAHU DIA BERSALAH, KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 17 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, bekas Anggota Parlimen Bachok Bunyamin Yaakob yang kini dicari polis menghilangkan diri kerana sedar beliau telah melakukan satu kesalahan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Bunyamin kini takut dan cuba mengelakkan daripada ditahan polis.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian pada sidang berita selepas merasmikan Forum Keluarga Bahagia Nadi Kesejahteraan Negara Peringkat Pulau Pinang di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, anjuran Yayasan Bidi Penyayang Malaysia (Penyayang).

Yang turut hadir ialah isterinya, Datin Seri Endon Mahmood yang juga Pengerusi Penyayang dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Bunyamin didakwa memfitnah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan berkata Perdana Menteri menonton video lucu bersama-sama cucunya.

Semalam, Perdana Menteri juga berkata Bunyamin telah menyembunyikan diri kerana sedar melakukan dosa besar terhadapnya.

-- BERNAMA

AHM PR